

Pemetaan air masin dalam akuifer pantai di sekitar Pekan-Nenasi, Pahang

**UMAR HAMZAH, ABDUL RAHIM SAMSUDIN, ISMAIL C. MOHAMAD,
NORHAFIZI KHALID & SHAHIMI SALI**

**Program Geologi, Pusat Pengajian Sekitaran & Sumber Alam
Fakulti Sains & Teknologi, UKM**

Masalah kejatuhan paras air bawah tanah dan peningkatan jumlah kemasinan dalam air tawar yang terdapat dalam akuifer aluvium di sekitar Pekan-Nenasi, Pahang telah dikesan melalui kerja-kerja pemantauan air bawah tanah. Sebahagian daripada input pemantauan termasuk data survei geofizik yang digunakan serentak dengan data hidrogeologi kawasan kajian. Survei geofizik yang digunakan dalam kajian pemantauan ini ialah teknik geoelektrik termasuk duga dalam dan pengimejan khususnya untuk menganggarkan sempadan zon-zon air tawar-payau-masin dan peralihan akuifer dalam enapan aluvium. Hasil survei yang dilakukan menunjukkan zon-zon konduktif yang mewakili kawasan pengaruh air masin-payau lebih tertumpu berhampiran dengan muara-muara

sungai dan tepi pantai di sekitar 4–5 kilometer. Keputusan awal menunjukkan pencapaian yang diperoleh dari survei geoelektrik hanya terbatas pada kedalaman tidak melebihi 20–30 meter. Oleh itu akuifer yang terdapat di bahagian yang lebih dalam tidak dapat diselidiki dengan survei geoelektrik.
